

Smur 4/4/2011 MS 9



# CETAK ROMPAK



AHMAD NORMAN ABU TALIB

Sedang kita asyik menikmati hidangan di sebuah restoran tiba-tiba datang seseorang yang menawarkan pelbagai cakera padat (CD), cakera padat digital (DVD) atau video cakera padat (VCD) cetak rompak.

Tanpa segan silu mereka cuba menjual kepada para pelanggan. Ini adalah senario biasa yang dapat kita lihat. Kebiasaannya mereka membimbit kotak kecil yang memuatkan puluhan CD, VCD dan DVD untuk dijual kepada orang ramai.

Tidak dinafikan memang rambang mata apabila kita disajikan dengan beraneka pilihan. Harganya juga sangat murah jika dibandingkan dengan yang original.

Harus diingat, cetak rompak dukanian perkara baru di negara ini malah wujud sejak dahulu lagi.

Pihak berkuasa bergabung tenaga dalam menghapuskan kegiatan yang didalangi sindiket-sindiket tertentu di negara ini. Malah rangkaian mereka adakalanya hingga ke luar negara.

Beberapa akta diwujudkan bagi memberi perlindungan kepada harta intelek daripada dicetak rompak oleh sindiket yang rakus. Mereka yang didapati bersalah boleh disiasat mengikut Seksyen 41 Akta Hak Cipta 1987, Akta Perihal Dagangan 1972 - Label Cakera Optik serta Akta Cakera Optik 2000.

## Siapa terlibat?

Penglibatan kegiatan cetak rompak melibatkan pelbagai pihak terdiri daripada

berkuasa menjalankan operasi secara bersepadu sejak tahun 2000 bagi mengekang kegiatan ini melibatkan pelbagai agensi terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), KPDNKK dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Sejak itu, kegiatan ini dapat dikurangkan secara drastik ekoran tindakan berterusan yang diambil pihak berkuasa.

## Jenis cetak rompak

- CD (lagu)
- VCD (filem)
- DVD (filem)
- Blue Ray (konsep 8-10 filem dalam satu)

## Modus Operandi

Sebelum tahun 2001, sindiket dikesan aktif menjual di depan 7 Eleven, Magnum, pasar malam dan premis sebagainya tetapi setelah penguatkuasaan secara bersepadu dipertingkatkan maka sindiket terpaksa mengubah corak penjualan.

Kini mereka menggunakan kaedah hanya mempamerkan 'inlay' tetapi tiada

dang-undang oleh KPDNKK kerana tiada kandungan yang menunjukkan mereka menjalankan perniagaan cetak rompak tetapi sebaliknya ada agensi seperti KDN boleh mengambil tindakan walaupun hanya sekeping kertas dipamerkan.

Bagaimanapun, KPDNKK membuat intipan bagi memastikan modus operandi sebenar premis terbabit sebelum bertindak.

Sindiket dikesan menggunakan 'runner' untuk menghantar barang tersebut ke dalam premis selepas mendapat pesanan daripada rakan di kaunter. Sebagai contoh runner bersembunyi di dalam van yang diubahsuai yang diletakkan kira-



**Faktor harga membuatkan kita terlupa cetak rompak adalah satu kesalahan jenayah.**

Lantas kadangkala kita terus membeli tanpa memikirkan kesannya terutama terhadap industri serta ekonomi negara.

Istilah cetak rompak merupakan satu perbuatan menjual, mengeluarkan, mengedar, menyewa, mendedahkan untuk jualan dan mendedahkan untuk sewaan tanpa kebenaran pencipta. Sekiranya tidak mendapat kebenaran maka ia diklasifikasikan sebagai salinan langgaran atau lebih tepat lagi cetak rompak.

Cetak rompak (atau pencabulan hak cipta) juga bermaksud penggunaan bahan yang dilindungi undang-undang hak cipta tanpa izin, maka mencabuli salah satu hak eksklusif pemilik hak cipta asli, seperti hak untuk mengeluarkan semula atau menjalankan karya yang dihakcipta-kan, atau menghasilkan karya derivatif yang berasaskan karya yang dihakcipta-kan itu.

da pengilangan, pengedaran dan peruncitan.

**Pengilangan**

➔ burner, kilang

**Peruncitan**

➔ hand carry

**Pengedaran**

➔ stor

Kegiatan ini jarang dilakukan secara solo sebaliknya ia lebih tertumpu sebagai satu sindiket yang mempunyai rangkaian daripada peringkat pengilangan, pengedaran dan seterusnya kepada peruncitan. Boleh dikatakan mereka ini mempunyai 'jaringan' antara satu sama lain. Malah ada sindiket terbabit mengedar ke luar negara. Mereka menggunakan servis kurier untuk tujuan penghantaran ke luar negara.


Ketua Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Selangor, Othman Nawang berkata, pihak

CD/DVD/VCD di dalamnya kerana ia disembunyikan di tempat lain seperti di dalam kereta atau van yang diletakkan berhampiran premis, kabinet, atas siling dan sebagainya.

Ini menunjukkan mereka sedaya upaya mengelak barang tersebut berada di dalam premis. Tujuannya bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan un-



● Kegiatan cetak rompak selalunya dilakukan berkumpulan.



● Antara VCD, DVD yang dijual termasuk filem luar dan juga filem tempatan.

*Stuar 4/4/2011 MS 9.*

## Faktor cetak rompak berleluasa

Kegiatan cetak rompak berleluasa di Malaysia disebabkan beberapa faktor berikut:-

- 1 Kurangnya kesedaran di kalangan pengguna mengenai harta intelek.
- 2 Harga produk cetak rompak yang jauh lebih murah daripada produk tulen.
- 3 Salah guna teknologi seperti penulis CD dan penulis DVD pada komputer yang digunakan untuk tujuan cetak rompak.
- 4 Salah guna internet yang dijadikan medium penyebaran produk cetak rompak.
- 5 Hasil pendapatan yang sangat lumayan dan sangat menguntungkan.
- 6 Modal yang amat rendah iaitu RM0.80 sekiranya...

Seperti yang kita sedia maklum, berdasarkan teori ekonomi, selagi ada permintaan maka akan wujud pengeluaran. Maka sekiranya kita sebagai pengguna sedar hakikat bahawa cetak rompak adalah satu kesalahan jenayah ibarat membeli barangan curi maka secara tidak langsung ia boleh mengakibatkan 'lanun-lanun' ini tidak dapat bergiat aktif lagi.

### Teknik cetak rompak

Terdapat pelbagai cara di mana hasil karya dirompak atau disalin tanpa kebenaran pemilik hakcipta. Penyalinan tersebut dibuat dengan cara:

- Menerbitkan semula sebahagian atau kesemua hasil karya.
- Membuat salinan kepada pelbagai bentuk sama ada cara mengambil gambar, membuat salinan secara elektronik atau komputer, fotostat, rakam...

### Kesan

- Ekonomi negara boleh merudum akibat kegiatan cetak rompak.
- **Industri ini juga akan terjejas sekiranya tidak dibendung.**
- Pelabur asing tidak berani untuk melabur di negara ini.

### Pencegahan

Pelbagai langkah pencegahan diambil bagi mengekang kegiatan ini daripada terus berleluasa di negara ini. Ia perlu dilakukan kerana melibatkan kerugian kepada pelbagai pihak.

### Penguatkuasaan

- Tindakan secara agresif dan bersepadu melalui gerak kerja yang dijalankan.

kira 200 meter daripada premis dan hanya menunggu arahan dibuat melalui telefon bimbit atau pun internet. Apabila menerima pesanan barang tertentu runner akan menghantar menggunakan motosikal.

Mereka menggunakan van bagi mengelak ditahan sekiranya diserbu dan dapat melarikan diri dengan mudah. Malah lebih mengejutkan, KPNDKK pernah menyerbu premis di tingkat satu tetapi mempunyai stor menempatkan barang tersebut di tingkat tujuh.

Bagi yang menjual secara 'hand carry' di restoran mereka tidak membawa barang tersebut dalam jumlah yang banyak sebaliknya menyorokkan di tempat lain. Ini bagi mengelakkan mereka kerugian yang banyak sekiranya ditahan pihak berkuasa. Ada yang menyorokkan barang tersebut di longkang. Pelbagai cara sanggup dilakukan semata-mata bagi me-

...berikut di longkang. Pelebagai cara sang-  
gup dilakukan semata-mata bagi me-  
ngaburi pihak berkuasa.

Selain itu, terdapat premis yang mem-  
punyai laluan rahsia untuk ke stor de-  
ngan membahagikan ruang khas. Malah  
mereka menempatkan rakaman kamera  
litar tertutup (CCTV) bagi mengesan ke-  
hadiran pihak berkuasa. Ada juga yang  
mempunyai lif kecil yang boleh memuat-  
kan seorang sekiranya diserbu.

Sindiket biasanya bukan sahaja meng-  
gunakan runner tetapi turut mempunyai  
'tonto' yang bertugas untuk memantau  
pergerakan pihak berkuasa. Ini sebagai  
langkah berjaga-jaga untuk mengesan  
kehadiran pihak berkuasa di sesuatu lo-  
kasi di mana sindiket beroperasi.

Kebiasaannya tonto memantau di  
mana-mana pejabat pihak berkuasa se-  
panjang hari bagi mengawasi gerak-geri  
pihak berkuasa.

Sekiranya pihak berkuasa menaiki  
kenderaan keluar dari pejabat maka ton-  
to akan mengekori dan memastikan tidak  
hilang daripada pandangan bagi me-  
ngenal pasti ke mana arahnya pihak ber-  
kuasa mahu menjalankan operasi.  
Sehinggakan pihak berkuasa terpaksa  
menyamar tidak menggunakan kendera-  
an rasmi ketika membuat operasi.

6 Modal yang amat rendah iaitu RM0.80  
sekeping.

7 Penghasilan yang amat cepat dan mu-  
dah.

8 Terdapat permintaan daripada  
orang ramai.

9 Barang tersebut mudah di-  
dapati.



● Rampasan VCD dan DVD cetak rompak.

...gambar, membuat salinan secara elek-  
tronik atau komputer, fotostat, rakam-  
an video, rakaman suara, menaip se-  
mula atau diubah kepada PDF.

- Menyalin kandungan bahan dan di-  
jual semula dengan tajuk berbeza.
- Mengeluarkan bahan atau perkakas  
yang menggunakan idea yang sama, di  
mana idea tersebut telah dihakcipta.

...sepada melalui gerak kerja yang di-  
jalankan.

- Tumpukan kepada kawasan 'hot spot'
- Mengadakan 'Gerak Gempur Cetak  
Rompak' sejak Mei 2010

### Pendidikan kepada pengguna

- Beri didikan kepada pengguna me-  
ngenai keburukan serta kesan cetak  
rompak.
- Didik pengguna hormati harta intelek
- Menyokong industri, tidak menggalak-  
kan cetak rompak kerana perbuatan  
ini umpama membeli barang curi.

Akhir kata, Othman menasihatkan  
pengguna supaya tidak membeli barang  
cetak rompak kerana ia bukan sahaja  
mengakibatkan industri itu merudum te-  
tapi lebih memberi kesan kepada ekono-  
mi negara. Beliau berharap orang ramai  
dapat membeli barangan tulen kerana  
asasnya mudah sahaja. Sekiranya tiada  
permintaan maka tiadalah penjualannya.

**Sumber: Ketua Bahagian Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)  
Selangor, Othman Nawang**